

## Maybank2u and MAE - Pay Bills and Win Promotional Campaign Terms & Conditions

---

Maybank2u and MAE - Pay Bills and Win Promotional Campaign (“**Campaign**”) is organised by Malayan Banking Berhad (Registration No.: 196001000142) (“**Maybank**”) and shall be subjected to the Terms and Conditions herein. By participating in this Campaign, Eligible Customers (as defined in Clause 1 below) hereby expressly agree to be bound by these Terms and Conditions and any decisions made by Maybank in respect of the Campaign shall be final and binding.

### 1.0 Eligibility

- a) This Campaign is open to individuals who have active Maybank2u (M2U) ID/account (including Maybank Anytime Everywhere (“**MAE**”) customers) who perform any of the eligible transactions (as stated in the column marked ‘Type of Eligible Transactions’ of the table in Clause 2.0 (“**Eligible Transactions**”) through the Maybank2u website, M2U MY app (version 8.6 and above), and MAE by Maybank2u (version 1.3 and above) (“**Eligible Platforms**”).
  - i. Customer may check the app version of MAE by Maybank2u and M2U MY app via Apple App Store, Huawei App Gallery and/or Google Play Store.
- b) This Campaign is open to individuals who are eighteen (18) years of age and above with valid identification documents. For individuals below the age of eighteen (18) years (“**Minor**”), they must obtain the consent of their parents and/or legal guardian in order to participate in this Campaign. The use of the MAE app and MAE account is an acknowledgement to Maybank that the Minor has obtained the prior consent of his or her parents and/or legal guardian. These Terms and Conditions will be applicable to their parents and/or legal guardian in substitution of the applicability of this Terms and Conditions on the Minor.
- c) All individual customers who have fulfilled the above criteria and have carried out successful Eligible Transaction(s) will hereinafter be referred to as “**Eligible Customers**”.

### 2.0 Campaign Mechanics and Conditions

- a) This Campaign will commence on 19<sup>th</sup> July 2022, at 00:00:00 AM (MYT) and ends on 31<sup>st</sup> December 2022, at 11:59:59PM (MYT) [both dates inclusive] (“**Campaign Period**”).
- b) Eligible Customers are required to perform any of the Eligible Transactions via any of the Eligible Platforms with a **minimum spend of RM10.00** to earn entries to stand a chance to win the Prize (as defined in **Clause 2(d)**).
- c) The Campaign Period is split to 6 phases:
  - i. Phase 1: 19 July 2022 - 13 August 2022
  - ii. Phase 2: 14 August 2022 - 8 September 2022
  - iii. Phase 3: 9 September 2022 - 4 October 2022
  - iv. Phase 4: 5 October 2022 - 31 October 2022
  - v. Phase 5: 1 November 2022 - 30 November 2022
  - vi. Phase 6: 1 December 2022 - 31 December 2022

- d) During the Campaign Period, Eligible Customers can earn entries by performing the Eligible Transactions as stipulated below:

No.	Eligible Platforms	Maybank2u web, M2U MY app, or MAE by Maybank2u		
	Grand Prizes	RM2,500 cash prize for each 100 unique winners for the entire Campaign Period		
	Monthly Prizes	50% discount (capped at RM5) for 12,000 unique winners (limited to 2,000 unique winners per phase) for the entire Campaign Period		
	Eligible Transactions	Minimum qualifying purchase	Entries earned	Maximum entries
1	At least one (1) bill payment	RM10.00	One (1) entry per Eligible Transaction.	Eight (8) entries per payee monthly.
2	At least one (1) JomPAY payment	RM10.00	Two (2) entries per Eligible Transaction.	

- e) Only payment made via a valid Maybank Current Account or Savings Account and through the Eligible Platforms (as stated in Clause 1.0(a)) during the Campaign Period will be deemed eligible.
- i. Future/advanced payments that occurs through the Eligible Platforms after the Campaign Period will not be eligible.

Examples:

Scenario	Eligible entries upon Eligible Transaction
a Thirty (30) bill payments to six (6) different payees made within 19 July 2022 to 13 August 2022, funded from a Maybank savings account	Thirty entries to stand a chance to win a Grand Prize or a Monthly Prize in Phase 1.
b Three (3) times prepaid reload of RM30.00 to a payee within 14 August 2022 to 8 September 2022, funded from a credit card	No entries as the transaction involves a payment made via credit card and hence does not satisfy the requirements of an 'Eligible Transaction' as per Clause 2(d) and (e).
c One (1) time JomPAY payment of RM20.00 to a payee on 1 January 2023, funded from a Maybank current account	No entries as the transaction is made after the Campaign Period and hence does not satisfy the requirements of an 'Eligible Transaction' as per Clause 2(c).

### 3.0 Prize Fulfilment

- a) Maybank reserves the right to substitute the Grand Prizes and Monthly Prizes (“Prizes”) with any other item(s) of similar market value at its reasonable discretion with twenty-one (21) calendar days’ prior notice to the Winners which will be communicated on Maybank2u website and/or other platforms deemed appropriate by Maybank.
- b) Eligible Customers that have performed Eligible Transactions will be selected as Winner(s) as below (“Winner(s)“):

Winners selection	Winners will be randomly selected by using a randomiser based on the entries earned during the Campaign Period.
-------------------	---

Winner quantity for Grand Prizes	A total of random 100 unique and eligible Winners for the entire Campaign Period.
Winner quantity for Monthly Prizes	A total of random 2,000 unique and eligible Winners per phase, which is a total of 12,000 Winners for the entire Campaign Period.

- c) Winners will be selected after the Campaign Period and will be announced within ninety (90) days after the Campaign Period.

Status	Dates
Prize fulfilment	Before 31 March 2023
Winners announcement	On / Before 31 March 2023

- d) In the event that the Winner fails to comply with any Terms and Conditions of this Campaign, Maybank reserves the right to forfeit the Prize.
- e) All Winners' names and their phone number (last 4 digits) will be published on Maybank's official Facebook page and/or the Campaign's promotional page on [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) and/or any other method of communication that Maybank may deem appropriate.
- f) All Prizes would be credited directly into the Winner's Maybank account which they have used to perform the Eligible Transaction within 90 days after the Campaign Period.
- i. Winners will be informed via the push notification from the MAE app and their Inbox on the Maybank2u website to check their Maybank account which they have used to perform the Eligible Transaction.
- g) Maybank reserves the right to request for documentation or proof of identification, age, and place of residence of any of the Winners and Maybank reserves the right to contact the Winners with regards to any relatable campaigns which might take place in the future.
- h) Maybank will not ask for any banking details such as credit card/debit card number and bank Transaction Authorization Code (TAC), account password, PIN or one-time password (OTP) from the Winners to claim the Prize or for any reason. The Winners acknowledge and agree that Maybank reserves the rights to disqualify their participation in this Campaign or clawback any Prize from the Winners if:
- i. the Winner is found or suspected of tampering with the Campaign Mechanics or the operation of the Campaign;
- ii. the Winner is found or suspected of undertaking fraudulent activities or other activities that are harmful to the Campaign; or
- iii. the Winner is in breach of his or her obligations or any Terms and Conditions of this Campaign. Notwithstanding the above, Maybank reserves the right to reject any participation or the Winners at its reasonable discretion without assigning any reasons.
- i) Maybank will NOT provide any replacement or substitute for the Prizes if the Winner rejects the Prizes and /or request for alternative option(s).

#### **4.0 General Terms and Conditions**

- 4.1 Maybank shall not be responsible or held liable in respect of technical failures of any kind whatsoever, intervention, interruptions, and/or electronic or human errors in the administration and/or processing of the transaction performed via the MAE app, M2U app, Maybank2u Biz, Maybank2u, or Maybank2e provided the same is not caused by Maybank.
- 4.2 Maybank reserves the right to withdraw, cancel, suspend, extend or terminate this Campaign earlier in whole or in part and reserves the right to modify any of the terms and conditions contained herein, from time to time by giving at least minimum of twenty one (21) days (“day” shall have the same meaning as calendar day), prior notice thereof, the notice of which shall be posted through the Maybank2u website at [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) or through any other channel determined by Maybank. It shall be the responsibility of the Eligible Customers to be informed of or otherwise seek out any such notice validly posted.
- 4.3 By participating in this Campaign, Eligible Customers agree to access the Maybank2u website at [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) on a regular basis to view the terms and conditions herein and seek clarification from Maybank should any of the Terms & Conditions be not fully understood.
- 4.4 By participating in this Campaign, Eligible Customers agree to be bound by the Terms and Conditions herein and agree and consent to allow his/her personal data being collected, processed and used by Maybank in accordance with the Maybank Privacy Statement, which may be viewed on [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) (“Maybank’s Privacy Statement”) and the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA) Form for Individual Customers.

In addition and without prejudice to the terms in the Maybank’s Privacy Statement and the Personal Data Protection Act 2010 (PDPA) Form for Individual Customers, Eligible Customers agree and consent to his/her personal data or information being collected, processed and used by Maybank for:

- a) the purposes of the Campaign; and
  - b) marketing and promotional activities conducted by Maybank, including but not limited to any form of advertising or publicity media and materials such as audio and/or visual recordings published through newspapers, television networks, radio stations or online and digital media and on the Internet. Marketing and promotion activities include without limitation the use and/or publication of any details provided in and/or in connection to the entries, interviews material as well responses and related photographs. In this regard, Eligible Customers agree to co-operate and participate in all advertising and publicity activities of Maybank in relation to the Campaign.
- 4.5 Maybank and its officers, servants, employees, representatives and/or agents (including without limitation, any third party service providers engaged by Maybank for the purposes of this Campaign) shall not be liable to Eligible Customers in this Campaign for any direct, indirect, special or consequential loss or damage (including but not limited to, loss of income, profits or goodwill) arising from or in connection with this Campaign unless caused by the any gross negligence or omission by Maybank.
- 4.6 Maybank shall not be liable for any default of its obligation under this Campaign due to any force majeure events which include but not limited to act of God, war, riot, lockout, industrial action, fire, flood, drought, storm, epidemic and pandemic or any events beyond the reasonable control of Maybank.

4.7 Maybank may disqualify/reject any Eligible Customer who does not comply with the terms and conditions stated herein and/or are found or suspected to be tampering with the Campaign and/or its process or the operations of this Campaign which includes fraudulent activities involving any act of deceit and/or deception and/or cheating with regards to the Campaign.

4.8 These Terms and Conditions shall be governed by the Laws of Malaysia and subject to the exclusive jurisdiction of the Courts of Malaysia.

For information, enquiries, feedback and/or complaints related to this Campaign, please contact Maybank's Customer Care hotline at 1 300 88 6688, +603 7844 3696. Alternatively for feedback and/or complaints, Eligible Customers may choose to e-mail Maybank via the feedback form at Maybank2u website [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).

## **Maybank2u and MAE - Terma & Syarat Kempen Promosi Bayar Bil dan Menang**

---

Maybank2u dan MAE - Kempen Promosi Bayar Bil dan Menang (“**Kempen**”) dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142) (“**Maybank**”) dan hendaklah tertakluk pada Terma dan Syarat yang terkandung di sini. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 1 di bawah) dengan ini bersetuju dengan nyata untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini, dan sebarang keputusan yang dibuat oleh Maybank berkenaan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat.

### **1) Kelayakan**

- a) Kempen ini terbuka kepada individu yang mempunyai ID/akaun Maybank2u (M2U) yang aktif (termasuk pelanggan Maybank Anytime Everywhere (“**MAE**”)) yang melaksanakan mana-mana transaksi layak (seperti yang dinyatakan dalam lajur yang ditandakan ‘Jenis Transaksi Layak’ pada jadual dalam Fasal 2.0 (“**Transaksi Layak**”) melalui laman web Maybank2u, aplikasi M2U MY (versi 8.6 dan ke atas), dan MAE oleh Maybank2u (versi 1.3 dan ke atas) (“**Platform Layak**”).
- b) Pelanggan boleh memeriksa versi aplikasi MAE oleh Maybank2u dan aplikasi M2U MY melalui Apple App Store, Huawei App Gallery dan/atau Google Play Store.
- c) Kempen ini terbuka kepada individu yang berumur lapan belas (18) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan yang sah. Bagi individu yang berumur kurang daripada lapan belas (18) tahun (“**Orang Belum Dewasa**”), mereka mesti memperoleh persetujuan ibu bapa dan/atau penjaga sah mereka untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan aplikasi MAE dan akaun MAE merupakan perakuan kepada Maybank bahawa **Orang Belum Dewasa** itu telah memperoleh persetujuan terdahulu ibu bapa dan/atau penjaga sah beliau. Terma dan Syarat ini akan terpakai untuk ibu bapa dan/atau penjaga sah beliau sebagai pengganti pemakaian Terma dan Syarat ini untuk Orang Belum Dewasa itu.
- d) Semua pelanggan individu yang telah memenuhi kriteria di atas dan telah berjaya melaksanakan Transaksi Layak akan kemudian dari ini disebut sebagai “**Pelanggan Layak**”.

### **2) Mekanisme dan Syarat Kempen**

- a) Kempen ini akan bermula pada 19<sup>hb.</sup> Julai 2022, pada pukul 00:00:00 pagi (Waktu Malaysia) dan tamat pada 31<sup>hb.</sup> Disember 2022, pada pukul 11:59:59 malam (Waktu Malaysia) [termasuk kedua-dua tarikh tersebut] (“**Tempoh Kempen**”).
- b) Pelanggan Layak dikehendaki supaya melaksanakan mana-mana Transaksi Layak melalui sebarang Platform Layak dengan **perbelanjaan minimum sebanyak RM10.00** untuk memperoleh penyertaan agar mempunyai peluang untuk memenangi Hadiah (seperti yang ditakrifkan dalam **Fasal 2(d)**).
- c) Tempoh Kempen dibahagikan kepada 6 fasa:
  - i) Fasa 1: 19 Julai 2022 - 13 Ogos 2022
  - ii) Fasa 2: 14 Ogos 2022 - 8 September 2022
  - iii) Fasa 3: 9 September 2022 - 4 Oktober 2022
  - iv) Fasa 4: 5 Oktober 2022 - 31 Oktober 2022
  - v) Fasa 5: 1 November 2022 - 30 November 2022
  - vi) Fasa 6: 1 Disember 2022 - 31 Disember 2022

- d) Semasa Tempoh Kempen, Pelanggan Layak boleh memperoleh penyertaan dengan melaksanakan Transaksi Layak seperti yang dinyatakan di bawah:

Bil.	Platform Layak	Laman web Maybank2u, aplikasi M2U MY atau MAE oleh Maybank2u		
	Hadiah Utama	Hadiah wang tunai sebanyak RM2,500 untuk setiap 100 orang pemenang unik selama sepanjang Tempoh Kempen		
	Hadiah Bulanan	Diskaun sebanyak 50% (dihadkan kepada RM5) untuk 12,000 orang pemenang unik (terhad kepada 2,000 orang pemenang unik bagi setiap fasa) selama sepanjang Tempoh Kempen		
	Transaksi Layak	Pembelian Layak Minimum	Penyertaan yang Diperoleh	Penyertaan Maksimum
1	Sekurang-kurangnya satu (1) pembayaran bil	RM10.00	Satu (1) penyertaan bagi setiap Transaksi Layak.	Lapan (8) penyertaan bagi setiap penerima bayaran setiap bulan.
2	Sekurang-kurangnya satu (1) pembayaran JomPAY	RM10.00	Dua (2) penyertaan bagi setiap Transaksi Layak.	

- e) Hanya bayaran yang dibuat melalui Akaun Semasa atau Akaun Simpanan Maybank yang sah dan melalui Platform Layak (seperti yang dinyatakan dalam Fasal 1.0(a)) semasa Tempoh Kempen akan disifatkan sebagai layak.
- i) Bayaran masa hadapan/pendahuluan yang berlaku melalui Platform Layak selepas Tempoh Kempen tidak akan layak.

(1) Contoh:

Senario		Penyertaan layak selepas Transaksi Layak
a	Tiga puluh (30) pembayaran bil kepada enam (6) penerima bayaran berbeza yang dibuat dalam tempoh dari 19 Julai 2022 hingga 13 Ogos 2022, yang dibiayai daripada akaun simpanan Maybank	Tiga puluh penyertaan untuk mempunyai peluang memenangi satu Hadiah Utama atau satu Hadiah Bulanan dalam Fasa 1.
b	Tiga (3) kali tambah nilai prabayar sebanyak RM30.00 kepada satu penerima bayaran dalam tempoh dari 14 Ogos 2022 hingga 8 September 2022, yang dibiayai daripada kad kredit	Tiada penyertaan kerana transaksi melibatkan bayaran yang dibuat melalui kad kredit dan oleh itu tidak memenuhi syarat 'Transaksi Layak' mengikut Fasal 2(d) dan (e).
c	Satu (1) kali pembayaran JomPAY sebanyak RM20.00 kepada satu penerima bayaran pada 1 Januari 2023, yang	Tiada penyertaan kerana bayaran dibuat selepas Tempoh Kempen dan oleh itu tidak memenuhi syarat 'Transaksi Layak' mengikut Fasal 2(c).

	dibiayai daripada akaun semasa Maybank	
--	--	--

## 6) Penunaian Hadiah

a) Maybank mempunyai hak untuk menggantikan Hadiah Utama dan Hadiah Bulanan (“**Hadiah**”) dengan sebarang item lain yang mempunyai nilai pasaran yang serupa mengikut budi bicara munasabahnya, melalui notis selama dua puluh satu (21) hari kalendar terlebih dahulu kepada Pemenang yang akan dikomunikasikan pada laman web Maybank2u dan/atau platform lain yang disifatkan sebagai sesuai oleh Maybank.

b) Pelanggan Layak yang telah melaksanakan Transaksi Layak akan dipilih sebagai Pemenang seperti di bawah (“**Pemenang**”):

Pemilihan Pemenang	Pemenang akan dipilih secara rawak dengan menggunakan alat kerawakan ( <i>randomiser</i> ) berdasarkan penyertaan yang diperolehi semasa Tempoh Kempen.
Bilangan Pemenang untuk Hadiah Utama	Sejumlah 100 orang Pemenang yang unik, layak dan rawak selama sepanjang Tempoh Kempen.
Bilangan Pemenang untuk Hadiah Bulanan	Sejumlah 2,000 orang Pemenang yang unik, layak dan rawak bagi setiap fasa, yang merupakan sejumlah 12,000 Pemenang selama sepanjang Tempoh Kempen.

c) Pemenang akan dipilih selepas Tempoh Kempen dan akan diumumkan dalam tempoh sembilan puluh (90) hari selepas Tempoh Kempen.

Status	Tarikh
Penunaian Hadiah	Sebelum 31 Mac 2023
Pengumuman Pemenang	Pada / Sebelum 31 Mac 2023

d) Sekiranya Pemenang gagal mematuhi mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini, Maybank mempunyai hak untuk melucutkan hak penerimaan Hadiah.

e) Semua nama Pemenang dan nombor telefon mereka (4 angka terakhir) akan diterbitkan pada laman Facebook rasmi Maybank dan/atau laman promosi Kempen pada pautan [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) dan/atau apa-apa kaedah komunikasi lain yang boleh disifatkan oleh Maybank sebagai sesuai.

f) Semua Hadiah akan dikreditkan terus ke dalam akaun Maybank Pemenang yang telah digunakan oleh mereka untuk melaksanakan Transaksi Layak dalam tempoh 90 hari selepas Tempoh Kempen.

g) Pemenang akan diberitahu melalui pemberitahuan semerta (*push notification*) daripada aplikasi MAE dan peti masuk (*inbox*) mereka pada laman web Maybank2u untuk memeriksa akaun Maybank mereka yang telah mereka gunakan untuk melaksanakan Transaksi Layak.

h) Maybank mempunyai hak untuk meminta dokumentasi atau bukti pengenalan, umur dan tempat kediaman mana-mana Pemenang, dan Maybank mempunyai hak untuk menghubungi Pemenang berkenaan dengan sebarang kempen berkaitan yang mungkin berlangsung pada masa akan datang.

i) Maybank tidak akan meminta sebarang butiran perbankan seperti nombor kad kredit/kad debit dan Kod Sah Kuasa Transaksi (*Transaction Authorization Code* atau TAC) bank, kata



lalu akaun, PIN atau kata laluan sekali (*one-time password* atau OTP) daripada Pemenang untuk menuntut Hadiah atau atas sebarang alasan. Pemenang mengakui dan bersetuju bahawa Maybank mempunyai hak untuk menghilangkan kelayakan penyertaan mereka dalam Kempen ini atau menarik balik sebarang Hadiah daripada Pemenang jika:

- i) Pemenang didapati atau disyaki mengganggu Mekanisme Kempen atau pengendalian Kempen;
  - ii) Pemenang didapati atau disyaki menjalankan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang mendatangkan keburukan kepada Kempen; atau
  - iii) Pemenang memungkirinya atau mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini. Walau apa pun di atas, Maybank mempunyai hak untuk menolak mana-mana penyertaan atau Pemenang mengikut budi bicara munasabah tanpa memberikan sebarang alasan.
- j) Maybank TIDAK akan menyediakan sebarang penggantian atau penukaran untuk Hadiah jika Pemenang menolak Hadiah dan/atau meminta pilihan alternatif.

#### **7) Terma & Syarat Umum**

- a) Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan berkenaan dengan sebarang kegagalan teknikal, campur tangan, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, aplikasi M2U, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat bahawa yang sama tidak disebabkan oleh Maybank.
- b) Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal secara keseluruhan atau sebahagiannya dan berhak untuk mengubah suai mana-mana terma dan syarat yang terkandung di sini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis awal sekurang-kurangnya dua puluh satu ( 21) hari (“hari” di sini akan merujuk kepada hari kalendar) mengenainya, yang mana notisnya akan disiarkan melalui laman web Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) atau melalui mana-mana saluran lain yang ditentukan oleh Maybank. Adalah menjadi tanggungjawab Pelanggan yang Layak untuk mengambil tahu atau sebaliknya mendapatkan sebarang notis yang disiarkan secara sah.
- c) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk mengakses laman web Maybank2u di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) secara kerap untuk melihat terma dan syarat di sini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank sekiranya mana-mana Terma & Syarat tidak difahami sepenuhnya.
- d) Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan Yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat di sini dan bersetuju serta membenarkan data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank mengikut Penyata Privasi Maybank, yang boleh dilihat pada [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) (“Penyata Privasi Maybank”) dan Borang Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) untuk Pelanggan Individu.
- e) Sebagai tambahan dan tanpa prejudis kepada terma dalam Penyata Privasi Maybank dan Borang Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (PDPA) untuk Pelanggan Individu, Pelanggan Yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
  - i) tujuan Kempen; dan
  - ii) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang bentuk pengiklanan atau media publisiti dan bahan seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau media dalam talian dan digital dan di Internet. Aktiviti pemasaran

dan promosi termasuk tanpa had kepada penggunaan dan/atau penerbitan sebarang butiran yang disediakan dalam dan/atau berkaitan dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar berkaitan. Dalam hal ini, setiap Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang munasabah berhubung dengan Kempen.

- f) Maybank dan pegawai, petugas, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk tanpa had, mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan Yang Layak dalam Kempen ini untuk sebarang kerugian atau kerosakan secara langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada, kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul daripada atau berkaitan dengan Kempen ini melainkan disebabkan oleh sebarang kecuaiian atau ketinggalan yang teruk oleh Maybank.
- g) Maybank tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang keingkaran obligasinya di bawah Kempen ini disebabkan oleh sebarang kejadian force majeure yang termasuk tetapi tidak terhad kepada tindakan Tuhan, peperangan, rusuhan, sekatan, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau sebarang kejadian di luar kawalan yang munasabah oleh Maybank.
- h) Maybank boleh membatalkan kelayakan/menolak mana-mana Pelanggan Yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan di sini dan/atau didapati atau disyaki mengganggu Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti penipuan yang melibatkan sebarang tindakan penipuan berkenaan dengan Kempen.
- i) Terma dan syarat yang dinyatakan di sini akan dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.
- j) Untuk maklumat lanjut, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan Kempen ini, sila hubungi talian hotline Khidmat Pelanggan Kumpulan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif, untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan Yang Layak boleh memilih untuk e-mel Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).